

19/02/2004

Mula dengan hormat wanita

Halina Mohd Noor

"BERMULA dengan respek (hormat)", begitulah tema sempena sambutan Hari Wanita Sedunia tahun ini. Tema itu dipilih berikutan kekerapan berlakunya kes keganasan seksual terhadap wanita dan gadis sejak kebelakangan ini dipercayai akibat hilang hormat dan tidak memandangi tinggi wanita.

Walaupun pencapaian wanita dalam pelbagai bidang kini tidak lagi boleh diragui dan setanding lelaki, wanita masih dilihat sebagai lemah dan boleh diperlakukan dengan sewenang-wenangnya. Tidak hairan jika suatu masa kelak, hilang hormat terhadap wanita yang menjadi penyambung zuriat ini akan menjadikan masyarakat nanti tidak jauh bezanya dengan golongan jahiliah yang sanggup menanam anak perempuan hidup-hidup.

Ini bukan mustahil kerana hari ini kanak-kanak perempuan sekecil bayi, gadis dan wanita dirogol, dibunuh dan mayatnya dibakar sebelum dicampak ke dalam longkang, tepi jalan atau belukar yang tidak ubah seperti haiwan. Nasib wanita masih belum terjamin walaupun berada di dalam rumah dan pejabat. Di rumah, gadis dan kanak-kanak menjadi mangsa kerakusan nafsu bapa, abang, rakan bapa dan abang mahupun pak cik. Di pejabat pula, mereka menjadi mangsa gangguan seksual oleh ketua dan rakan sepejabat. Kata lainnya, wanita tidak dihormati lagi walaupun banyak pengorbanan mereka.

Perangkaan keluaran Amnesty International (AI), iaitu pergerakan yang menjalankan kempen antarabangsa untuk hak asasi manusia mendapati lebih ramai wanita berusia 15 hingga 44 tahun seluruh dunia di bunuh atau cedera akibat keganasan gender berbanding mati akibat barah, kemalangan atau malaria. Satu daripada setiap tiga wanita dipukul, dipaksa melakukan seks dan didera sepanjang hayat. Hampir 70 peratus wanita menjadi mangsa bunuh yang dilakukan pasangannya. Lebih menakutkan 2 juta gadis berisiko mengalami penyakit kelamin setiap tahun. Wanita juga menghadapi keganasan dan diskriminasi sama ada ketika peperangan mahupun ketika negara aman.

Tema `Bermula dengan respek' dipilih oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO), iaitu Persatuan Pergerakan Wanita (Awam), Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO), AI, Sister In Islam (SIS) dan Majlis Aids Malaysia bersama Red Communication `3R' yang bergabung untuk menyambut IWD pada 8 Mac setiap tahun.

Penerbit Eksekutif 3R, Datin Paduka Marina Mahathir, berkata wanita sebagai manusia patut dihormati sama seperti lelaki. Perasaan hormat lelaki terhadap wanita perlu dididik sejak kecil lagi melalui contoh yang ditunjukkan oleh ibu bapa.

"Di rumah, bapa adalah contoh kepada anak, khususnya anak lelaki. Bagaimana, bapa melayan ibu, itulah yang dilihat oleh anak lelaki. Bagi anak perempuan pula, perlu diberikan kesedaran bahawa perasaan hormat itu bukan sesuatu yang mereka perlu cari tetapi ia adalah hak yang bermula dengan menghormati diri dan hak sendiri," katanya.

Beliau berkata, keganasan terhadap wanita adalah satu isu yang tidak akan hilang. Hampir setiap tahun isu menghentikan keganasan terhadap wanita diketengahkan.

"Kisah gadis dan kanak-kanak diperkosa sudah berlaku sejak dulu tetapi tidak diketengahkan secara besar-besaran di dalam media seperti hari ini. Misalnya, di Alor Star seorang lelaki sedang menjalani perbicaraan kerana merogol kanak-kanak berusia dua tahun sejak beberapa tahun lalu. Apa yang menjadi persoalan, mengapa dulu kes sebegini tidak diberikan pendedahan?" katanya.

Marina berkata, lelaki dan wanita harus memikul tanggungjawab untuk

menuntut satu persekitaran yang selamat.

Setiap wanita dan remaja perempuan berhak untuk berasa selamat bukan saja di rumah tetapi juga di luar rumah serta di kawasan awam. Mereka perlu bebas bergerak dan bergiat seperti lelaki.

Tahun ini adalah tahun ketiga gabungan kumpulan wanita dengan 3R menyambut IWD yang bermatlamat mendekati generasi muda di Malaysia. Bagi mencapai matlamat itu pelbagai kegiatan diadakan di Pusat Pameran Mid Valley, Kuala Lumpur pada 13 dan 14 Mac ini. Tema sambutan Hari Wanita pada tahun ini memberikan penekanan terhadap pembentukan persekitaran selamat kepada wanita.

Sebagai rancangan kegemaran remaja kini, 3R (Respek, Relaks, Respon) akan menganjurkan siri acara sepanjang Mac bertujuan meningkatkan penguasaan dan kesedaran wanita mengenai isu mereka. Acara ini yang diadakan dengan kerjasama Awam, WAO, AI, SIS dan MAC akan memberikan mesej tegas, iaitu persekitaran selamat.

Presiden WAO, Ivy Josiah, berkata sudah sampai masanya wanita mempertahankan hak yang dinafikan selama ini, iaitu untuk berasa selamat dan dihormati. WAO akan menyertai acara 'A Girl's Day Out' sebagai usaha menyampaikan mesej berkenaan kepada generasi muda.

"Tahun ini WAO memfokuskan pembentukan Akta Keganasan Rumahtangga dan memperkenalkan talian kecemasan untuk membantu mangsa rogol yang bernombor 03 79603030. Diharapkan dalam tempoh dua hari (13 dan 14 Mac) dapat menggalakkan wanita mempertahankan hak mereka. WAO juga berharap acara ini menggalakkan lebih ramai lelaki berani tampil menyuarakan antikeganasan terhadap wanita. Kita juga akan menjemput ramai selebriti lelaki yang terkenal seperti Ferhad dan Vince yang akan menunjukkan bahawa mereka sanggup melakukan pekerjaan yang secara tradisinya dilakukan wanita seperti memasak dan membersihkan rumah. Acara lain seperti cara mempertahankan diri apabila diserang," katanya.

Sementara itu, Penerbit Eksekutif 3R, Lina Tan, berkata acara ini adalah lebih berunsurkan kegiatan kerana remaja tidak gemar mendengar ceramah. Mereka menerima mesej dengan lebih cepat apabila ia disampaikan secara menghibur dan mencabar.

"Bermula dengan saringan Futsal Wanita pada 21 Februari, kemuncak siri ini adalah keraian selama dua hari tajaan Kotex, iaitu acara A Girl's Day Out di Pusat Pameran Mid Valley yang bertujuan menumpukan mengenai hak wanita untuk keluar serta bebas bergerak tanpa bimbang. Pada masa ini, setiap kali anak gadis keluar rumah, ibu bapa mereka bimbang. Alangkah baiknya jika ketakutan ini dapat dihapuskan," katanya.

Pengacara 3R, Azah Yazmin Yusoff, Kartini Kamalul Arifin dan Low Ngai Yuen akan berganding semula dengan bekas pengacara rancangan berkenaan, Rafidah Abdullah mengacarakan kegiatan yang dijalankan bersama beberapa tetamu jemputan terkenal.

Remaja digalakkan mengambil bahagian dalam sebarang acara dan boleh melayari laman web www.3r.com.my untuk menawarkan perkhidmatan secara sukarela khususnya untuk acara A Girl's Day Out.